

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 09.06.2014

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman serta liabiliti Kerajaan Persekutuan terhadap syarikat-syarikat insurans dari tahun 2010 hingga 2013.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan pada akhir 2013 adalah berjumlah RM523.1 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM28.5 bilion atau 5.4% adalah dipegang oleh syarikat insurans. Pecahan pegangan hutang syarikat

insurans di bawah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) adalah sebanyak RM23.1 bilion (81%) manakala di bawah Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) adalah berjumlah RM5.4 bilion (19%).

Bagi tahun 2010, pegangan hutang di bawah syarikat insurans adalah berjumlah RM22.5 bilion atau 5.8% daripada keseluruhan hutang dalam negeri Kerajaan Persekutan. Pecahan pegangan hutang tersebut seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1

RM Bilion	2010	2011	2012	2013
Hutang Dalam Negeri	390.356	438.025	484.769	523.095
Syarikat Insurans	22.501	27.406	28.495	28.522
<i>MGS</i>	<i>20.245</i>	<i>23.998</i>	<i>24.081</i>	<i>23.136</i>
<i>GII</i>	<i>2.256</i>	<i>3.408</i>	<i>4.414</i>	<i>5.386</i>
Bahagian (%)	5.8	6.2	5.9	5.4